



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA MEI 2025

Perdagangan Malaysia mengekalkan momentum pertumbuhan, berkembang 2.6 peratus pada Mei 2025

PUTRAJAYA, 20 JUN 2025 – Prestasi perdagangan Malaysia mengekalkan momentum pertumbuhan pada Mei 2025 berikutan pertumbuhan berterusan ekonomi global serta perubahan terhadap permintaan barangan Malaysia di pasaran antarabangsa. Jumlah dagangan mencatatkan peningkatan 2.6 peratus daripada RM246.1 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM252.5 bilion, yang didorong terutamanya oleh pertumbuhan import 6.6 peratus, mencecah RM125.9 bilion, manakala eksport menurun 1.1 peratus dengan nilai RM126.6 bilion. Sebaliknya, imbalan dagangan mencatatkan RM0.8 bilion pada Mei 2025 berbanding RM10.0 bilion pada Mei 2024 seperti yang dilaporkan hari ini dalam **BULETIN PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, MEI 2025**. Buletin ini juga membentangkan prestasi produk untuk eksport dan import serta rakan dagangannya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa penurunan eksport Malaysia didorong oleh kejatuhan eksport domestik pada Mei 2025. Eksport domestik, yang merangkumi 79.6 peratus daripada jumlah eksport, menurun 4.7 peratus kepada RM100.8 bilion, manakala eksport semula,

yang membentuk 20.4 peratus daripada jumlah eksport, meningkat 16.1 peratus kepada RM25.8 bilion berbanding Mei 2024. Selain itu, import berjumlah RM125.9 bilion, meningkat 6.6 peratus atau RM7.8 bilion. Lebihan dagangan menandakan lebihan berterusan selama 61 bulan berturut-turut sejak Mei 2020, menyusut 92.3 peratus kepada RM766.3 juta. Berbanding dengan April 2025, eksport, import, jumlah dagangan dan imbalan dagangan masing-masing mencatatkan penurunan 5.2 peratus, 2.0 peratus, 3.6 peratus dan 85.1 peratus.

Melihat dari sudut kumpulan barangan, 136 daripada 258 kumpulan eksport mencatatkan penurunan. Sementara itu, 118 daripada 260 kumpulan import mencatatkan peningkatan berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menggariskan bahawa eksport yang lebih rendah disumbangkan terutamanya ke Singapura (-RM4.0 bilion), diikuti oleh Jepun (-RM1.8 bilion), Filipina (-RM719.0 juta), China (-RM679.2 juta), India (-RM557.2 juta), Persekutuan Rusia (-RM400.5 juta) dan Turki (-RM295.3 juta). Namun begitu, peningkatan import kebanyakannya disumbang oleh Amerika Syarikat (+RM5.1 bilion), diikuti oleh Taiwan (+RM3.2 bilion), China (+RM3.0 bilion), Kuwait (+RM685.2 juta), Switzerland (+RM424.1 juta), Mexico (+RM401.1 juta) dan Hong Kong (+RM352.7 juta).

Mengulas lebih lanjut mengenai eksport, penurunan ini sejajar dengan penyusutan dalam keluaran petroleum (-RM3.3 bilion); gas asli cecair (-RM1.7 bilion); kimia & bahan kimia (-RM952.5 juta); petroleum mentah (-RM730.5 juta); barangan besi & keluli (-RM377.3 juta); serta kertas & keluaran kertas (-RM279.2 juta). Selain itu, peningkatan import direkodkan bagi barangan elektrik & elektronik (+RM14.3 bilion); bijih logam & serpihan logam (+RM1.1 bilion); keluaran pertanian yang lain (+RM366.4 juta); keluaran

perkilangan lain (+RM321.7 juta); barang kemas (+RM228.6 juta); serta minyak sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak sawit (+RM129.2 juta).

Selanjutnya, Ketua Perangkawan Malaysia juga memaklumkan pertambahan import mengikut Penggunaan Akhir adalah seiring dengan permintaan yang lebih tinggi bagi barangan modal. Import barangan modal (18.0% daripada jumlah import) melonjak 63.7 peratus atau RM8.8 bilion, mencatat nilai RM22.7 bilion. Walaubagaimanapun, import barangan perantaraan (51.8% daripada jumlah import) menurun 4.4 peratus atau RM3.0 bilion kepada RM65.1 bilion, manakala import barangan penggunaan (8.0% daripada jumlah import) merekodkan penurunan 1.1 peratus atau RM113.8 juta, mencapai RM10.1 bilion berbanding Mei 2024.

Jumlah dagangan, eksport dan import bagi tempoh Januari hingga Mei 2025 mencatatkan peningkatan. Jumlah dagangan meningkat 6.2 peratus daripada RM1.2 trilion, selaras dengan kenaikan dalam eksport (+5.5%) serta import (+6.9%). Selain itu, lebih dagangan turun 9.4 peratus, dengan nilai RM46.9 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2024 – Mei 2025 (Nilai)




Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2024 – Mei 2025
(Peratus Perubahan Tahunan)




Carta 3: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2020 – 2025 (Jan – Mei)



Carta 4: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi
Umum (BEC), Jan 2024 – Mei 2025
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



Carta 5: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi
Umum (BEC), 2020 – 2025 (Jan – Mei)



Jadual 1: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Eksport

KETERANGAN KOMODITI	2024	2025	2025	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	MEI	APR	MEI		NILAI	%
	RM BIL.	RM BIL.	RM BIL.		RM BIL.	
Jumlah	128,037	133,499	126,623	100.0	(1,414)	(1.1)
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	50,150	60,208	53,678	42.4	3,528	7.0
Keluaran Petroleum	11,247	8,503	7,996	6.3	(3,251)	(28.9)
Minyak Kelapa Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Kelapa Sawit	6,803	6,307	7,368	5.8	565.1	8.3
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,496	6,468	6,395	5.1	898.6	16.4
Barangan Perkilangan Logam	6,017	5,103	5,830	4.6	(187.0)	(3.1)

Jadual 2: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Import

KETERANGAN KOMODITI	2024	2025	2025	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	MEI	APR	MEI		NILAI	%
	RM BIL.	RM BIL.	RM BIL.		RM BIL.	
Jumlah	118,083	128,369	125,857	100.0	7,774	6.6
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	36,145	54,615	50,396	40.0	14,251	39.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	10,103	10,806	10,163	8.1	59.3	0.6
Kimia & Bahan Kimia	9,288	8,388	8,175	6.5	(1,113)	(12.0)
Keluaran Petroleum	11,410	7,497	7,105	5.6	(4,305)	(37.7)
Barangan Perkilangan Logam	6,336	5,409	5,809	4.6	(527.7)	(8.3)

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

20 JUN 2025